

PUSINGAN	SKRIP
1 PENGENALAN	<p>Forum Pendidikan, merintis pemikiran anda!</p> <p>Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakutuh, Salam 1 Malaysia dan senyuman manis kami pancarkan dalam Forum Pendidikan peringkat negeri yang berlangsung di Dewan Tunku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada kali ini.</p> <p>Yang Dihormati, tetamu-tetamu jemputan, pegawai-pegawai pendidikan, warga-warga pendidik dan para pelajar yang dikasihi sekalian. In shaa Allah, saya Ibnu Sany Bin SamsulBahri akan menemani anda selaku pengerusi majlis sepanjang sesi forum berlangsung.</p> <p>Aktiviti kokurikulum sebenarnya telah lama diperkenalkan dan dilaksanakan dalam sistem di negara kita, iaitu sejak zaman penjajahan British lagi. Antaranya ialah penubuhan pasukan pengakap yang pertama di Malaysia mengambil tempat di Singapura pada tahun 1909. Aktiviti gerak kerja kokurikulum ini diberi penekanan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang terkandung dalam surat arahan <i>School Course of Studies Regulation 1956</i> dan Pindaan Tahun 1961 (Akta Pendidikan 1961, No. 552). Sekarang ini aktiviti kokurikulum telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada proses pendidikan, yakni sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan yang wajib dilaksanakan di sekolah-sekolah. Untuk itu, aktiviti kokurikulum perlulah dirancang, diurus dan dilaksanakan secara sistematik, cekap dan berkesan seperti mana proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Justeru, demi melahirkan pelajar yang seimbang dari segi JERIS iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial, forum pendidikan kali ini akan menyengkap beberapa persoalan menerusi topik KOKURIKULUM DALAM KALANGAN PELAJAR.</p>

	<p><i>Majlis bersanding sungguh rancak, Bersanding pula di atas sampan, Saudara dikelilingi tiga jejaka kacak, Dari SMK St. Joseph, kami datangkan.</i></p> <p>Kata orang tak kenal maka tak cinta, maka kita terus bercinta dengan ahli panel kita yang pertama iaitu Yang Berhormat Dato Sri Nur Sarah Binti Rosman selaku Menteri Pendidikan Malaysia. Assalamualaikum Dato. Baik, seterusnya kita beralih kepada ahli panel kita yang kedua, Encik Vreravuzt Anak Lelaki Pradis selaku guru cemerlang kokurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul. Apa khabar cikgu? Dan dihujung sekali ahli panel kita yang ketiga iaitu saudari Nur Ain Binti Mohd Rodzi selaku pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Permai Indah. Selamat datang saudari. Terima kasih diucapkan kepada ahli-ahli panel kerana sudi hadir pada hari ini.</p>
--	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

PUSINGAN	SKRIP
2 DEFINISI	<p>Hadirin yang dihormati,</p> <p>Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum asas. Kegiatan atau aktiviti selain mata pelajaran yang diajarkan dalam bilik darjah tetapi yang dianggap sebahagian daripada kursus pendidikan pelajar di sekolah. Ramai di antara kita, khususnya golongan pelajar tidak mendalami maksud sebenar kokurikulum.</p> <p>Oleh itu, sebagai pembuka tirai diskusi, saya ingin menjemput ahli panel pertama untuk memperjelas definisi kokurikulum agar hadirin lebih jelas, terang dan nyata akan maksud kokurikulum. Silakan Dato Nur Sarah.</p>

Terima kasih Dato Nur Sarah. Pendahuluan yang menarik sebentar tadi. Saya yakin hadirin telah mendapat gambaran jelas tentang definisi kokurikulum menurut Dato Nur Sarah iaitu **kokurikulum merupakan satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerakerja yang terancang yang merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.**

Baiklah, peribahasa Melayu ada mengatakan rambut sama hitam, hati lain-lain. Maka, saya yakin ahli panel kita mempunyai definisi yang tersendiri mengenai kokurikulum. Jadi Cikgu Vreravuzt, bolehkah cikgu memberi definisi kokurikulum menurut pandangan cikgu sendiri? Silakan cikgu.

Wah, nampaknya kita juga sudah mendengar definisi yang telah diperkatakan oleh guru cemerlang kokurikulum itu sendiri iaitu kokurikulum ialah **aktiviti pendidikan yang dirancang dan diperlaksanakan selepas waktu pelajaran formal di dalam dan di luar bilik darjah, berasas dan lanjutan pelajaran sesi persekolahan.**

Saudari Nur Ain juga nampaknya ingin memberi pendefinisan kokurikulum kepada hadirin sekalian. Silakan.

Jadi hadirin sekalian, berdasarkan pendefinisi yang dibawa oleh saudari Nur Ain sebentar tadi kita mendpat persepsi yang begitu jelas bahawa **kokurikulum sebenarnya merupakan aktiviti amali sebagai lanjutan kepada mata pelajaran di bilik darjah yang diintergrasikan dalam aktiviti praktikal gunaan (applied) dan ia bukanlah satu konsep yang terpisah daripada kurikulum pendidikan.**

Tuan-tuan dan puan-puan, kita memperolehi pendefinisan

	kokurikulum yang berbeza daripada setiap ahli panel. Jadi kita dapat merumuskan bahawa kokurikulum merupakan segala aktiviti yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara tidak formal, tidak bersifat akademik dan ketiadaan aktiviti ini tidak mencacatkan atau mengurangkan keakademikan sesuatu pelajaran yang dipelajari.
--	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

PUSINGAN	SKRIP
3 SEJAUHMANAKAH KEBERKESANAN KOKURIKULUM TERHADAP PELAJAR	<p>Hadirin yang dirahmati sekalian, seperti sedia maklum, kegiatan kokurikulum ini suda lama diperkenalkan di semua sekolah. Malahan kegiatan kokurikulum ini telah menjadi kewajipan untuk pelajar dan guru menyertainya. Sebagai seorang menteri pendidikan, sejauhmanakah keberkesanan kokurikulum terhadap pelajar sekolah ini. Silakan Dato Nur Sarah untuk memberi sedikit ulasan.</p> <p>Dato Nur Sarah binti Rosman</p> <p>Terima kasih pengurus majlis. Baiklah, kegiatan kokurikulum yang diperkenalkan ini sememangnya ditubuhkan dengan tujuannya tersendiri. Sebagai seorang Menteri Pendidikan, saya mengakui bahawa kegiatan kokurikulum ini sememangnya mendatangkan keberkesanan. Indikator yang menunjukkan keberkesanan kokurikulum ialah Selain itu,</p> <p>Sebagai tambahan dari saya sendiri, kegiatan kokurikulum ini mendatangkan keberkesanan kerana ia merupakan syarat untuk kemasukan IPTA dan IPTS.</p> <p>Terima kasih Dato atas ulasan yang diberikan. Maka, jelaslah bahawa kegiatan kokurikulum ini sememangnya berkesan ke atas para pelajar di masa hadapan kerana kegiatan kokurikulum dapat memujuk perpaduan, melahirkan ramai</p>

	atlet dan menjadi syarat untuk kemasukan ke IPTA dan IPTS.
--	-------------------------------------------------------------------

PUSINGAN	SKRIP
4 CABARAN GURU TERHADAP KOKURIKULUM	<p>Setiap kegiatan yang dilakukan, sudah pasti ada cabaran yang menyusul. Tanpa cabaran, tidak berjaya lah sesuatu program itu dijalankan. Baiklah, seterusnya, mari kita beralih soalan kepada guru. Baiklah Encik Vreravuzt, sebagai seorang guru cemerlang kokurikulum, apakah cabaran yang telah encik hadapi ketika melaksanakan aktiviti kokurikulum ini? Jelaskan.</p> <p>Encik Vreravuzt :</p> <p>Terima kasih pengurus majlis kerana mengutarakan soalan ini. Sebagai seorang guru cemerlang kokurikulum, terdapat beberapa cabaran yang saya hadapi ketika melakukan kegiatan kokuriulum ini. Antaranya ialah Di samping itu,</p> <p>Sebagai tambahan dari saya, cabaran guru terhadap kokurikulum ini ialah cabaran peralatan sukan.</p> <p>Baiklah, kita juga telah mendengar sedikit sebanyak tentang cabaran yang dilalui oleh guru terhadap kegiatan kokurikulum ini. Ternyata bukan senang untuk kita melaksanakan setiap aktiviti kokurikulum ini. Melalui cabaran yang dilalui oleh guru ini, kita dapat lihat bahawa cabaran masa, kurang kemahiran dan kepakaran serta peralatan sukan ini telah menyebabkan guru terpaksa mengorbankan masa untuk pelajar dalam menjayakan setiap aktiviti yang dilakukan.</p>

PUSINGAN	SKRIP
5 KELEBIHAN APABILA MENYERTAI	<p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian, apabila kita berbicara tentang kokurikulum sudah pasti kita tidak dapat lari dalam menyentuh kelebihan, jadi saudara Nur Ain, sebagai seorang</p>

KOKURIKULUM	<p>pelajar itu sendiri, apakah kelebihan yang anda sendiri peroleh ketika menyertai kokurikulum ini?</p> <p>Nur Ain :</p> <p>Terima kasih kepada pengurus majlis. Baiklah, terdapat banyak kelebihan yang saya perolehi sebagai seorang pelajar apabila menyertai aktiviti kokurikulum ini. Antaranya ialah Selain itu,</p> <p>Wah petah sungguh saudari Nur Ain berbicara. Baiklah, berdasarkan pendapat beliau sebentar tadi, hal ini membuktikan bahawa aktiviti kokurikulum dapat mengembangkan potensi dan membentuk watak dan peribadi dan memperoleh kesihatan yang baik dan otak yang cerdas.</p> <p>Sedikit tambahan dari saya, penglibatan pelajar ini juga dapat mengisi masa lapang.</p>
-------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

PUSINGAN	SKRIP
6 RUMUSAN	<p>Pejam celik pejam celik kita sudah pun berada pada peringkat rumusan. Jadi saya ingin menjemput ahli panel pertama sekali lagi untuk memberi rumusan beliau terhadap kokurikulum.</p> <p>Terima kasih Dato Nur Sarah. Rumusan yang agak menarik untuk dijadikan pedoman kepada pelajar sekalian. Seterusnya kita ingin diperdengarkan rumusan menurut Encik Vreravuzt.</p> <p>Dan akhir sekali dijemput saudari Nur Ain untuk merumuskan tentang topik yang dibicarakan pada hari ini. Silakan saudara.</p>

PUSINGAN	SKRIP
7 PENUTUP	Banyak input yang kita perolehi pada hari ini. Terima kasih kepada ahli panel kerana sudi berkongsi idea pada hari ini. Terima kasih Dato Nur Sarah, terima kasih Encik Vreravuzt dan terima kasih saudari Nur Ain. Terima kasih juga saya ucapkan kepada hadirin sekalian kerana suda hadir pada hari ini. Hayati kata-kata ini, setelah runtuhnya kota Melaka, kita dirikan Putrajaya. Mantapkan pendidikan negara, agar anak watan berjaya kemudian harinya!